PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
*Office of Deputy Director-General of Education Malaysia*
PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN
*Teachers Professional Development*
ARAS 6, BLOK E 13, PARCEL E
*Level 6, Block E 13, Parcel E*
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
*Federal Government Administrative Centre*
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-88841076
Fax : 03-88841092
Laman web : http: www.moe.gov.my

Ruj Kami: KP(BPG)8094/700/1/4 (14)
Tarikh : 25 November 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENANGGUHAN PELAKSANAAN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP) BAGI MENGGANTIKAN LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kertas Makluman Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Menggantikan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Mulai Tahun 2015 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Ke-203 Bil.2/2013 pada 21 November 2013 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat telah memutuskan Pelaksanaan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) Bagi Menggantikan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Mulai Tahun 2015 ditangguhkan sehingga sistem ePrestasi yang dibangunkan untuk kemasukan data dan maklumat berkaitan PBPPP berada dalam keadaan stabil dan boleh diakses dengan lancar secara dalam talian oleh semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang terlibat dengan PBPPP.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan dipohon untuk mengambil maklum berhubung perkara ini.

Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(DATUK Dr. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

NOTA MAI...
UNTUK
PERHATIAN ...
Tarikh : 29 NOV 2013
Masa : 122
T.T.

21/11/13

TOTAL P.01